



## ZIARAH-MENZIARAHI: ADAB DAN MAQASIDNYA MENURUT ISLAM

Amira Syuhada Alias<sup>1\*</sup>, Anis Nursyahirah Mohd Asri<sup>1</sup>, Nurul Aida Ahmad Basri<sup>1</sup>, Siti Aisyah Marham<sup>1</sup> & Wan Mohd Yusof Wan Chik<sup>2</sup>  
[mierashada@gmail.com](mailto:mierashada@gmail.com)

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

<sup>2</sup>Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin

---

### ABSTRAK

**Pengenalan:** Ziarah merupakan salah satu usaha berterusan untuk menjaga hubungan silaturahim dan mengukuhkan tali persaudaraan dalam kalangan ahli keluarga, jiran dan sahabat handai. Amalan menziarahi sangat sinonim dengan budaya masyarakat umat Islam. Namun begitu, kebanyakan keadaan masyarakat pada hari ini, kurang menjaga adab-adab ziarah yang hakikatnya mengandungi hikmah dan *maqasid syariah*. Akibatnya ziarah yang dilakukan adalah kurang atau tidak memberi impak sebagaimana dikehendaki syarak. **Objektif:** Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan hikmah dan *maqasid syariah* di sebalik pensyariatan ziarah dan adab-adabnya. **Metodologi:** Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian adalah kajian kepustakaan. Data dikumpul daripada buku, artikel serta tesis dan dianalisis dalam sub-topik yang dibincangkan. **Dapatan:** Kajian mendapati ziarah merupakan sunnah yang amat digalakkan dalam syariat Islam. Ia mempunyai hukum dan adab yang tertentu yang disyariatkan demi memastikan ia berjalan secara efektif sama ada meneguhkan ikatan masyarakat mahupun mengelakkan peleraian perhubungan. Justeru, garis panduan syarak mestilah sentiasa dirujuk dan diikuti. Objektif utama pensyariatannya adalah untuk menjaga silaturahim sesama manusia di atas konsep "*hablun min al-nas*". **Kesimpulan:** Budaya ziarah-menziarahi, adab dan *maqasidnya* perlulah sentiasa difahami dan dihayati terutamanya pada zaman ir 4.0 ini yang mana masyarakat makin kurang berinteraksi secara realiti.

**Kata Kunci:** Adab-adab Ziarah, Hikmah, Maqasid, Syariah, Amalan

---

### 1. PENGENALAN

Ziarah merupakan satu amalan kebajikan yang mulia dilakukan supaya dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Salah satu usaha berterusan untuk menjaga hubungan baik dan mengukuhkan tali persaudaraan dalam kalangan ahli keluarga, jiran dan sahabat handai. Amalan menziarahi sangat sinonim dengan budaya masyarakat umat Islam di Malaysia. Namun begitu, masyarakat hari ini kurang menjaga adab-adab ziarah dalam Islam yang

hakikatnya mengandungi hikmah dan *Maqasidnya* tersendiri (Muammar Ghaddafi Hanafiah et al., 2014).

*Maqasid Syariah* pula berperanan untuk mendatangkan kebaikan yang mengandungi elemen utama matlamat sesuatu pensyariaan. Kedudukan *Maqasid Syariah* merupakan kaedah menyebarkan nilai-nilai hukum dalam menyelesaikan isu-isu kehidupan masyarakat sejagat. Kaedah ini menjadi garis panduan dalam mengistinbatkan hukum dengan memerhati persekitaran masyarakat. Hal ini menunjukkan *Maqasid Syariah* perlu difahami supaya adab ziarah tersebut mampu memberi impak sebagaimana dikehendaki syarak (Khairun Nisa, 2017).

Ziarah antara amalan yang ditekankan adab-adab semasa melakukannya. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan keselamatan, ketenangan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat berikutan daripada budaya ziarah yang dipraktikkan berkaitan moral, kebendaan dan kerohanian. Secara jelasnya, *Maqasid Syariah* dihasilkan untuk membentuk kehidupan yang menjamin keselesaan dan kedamaian kepada manusia sejagat iaitu kehidupan yang menepati kriteria keperluan rohani dan jasmani manusia di dunia (Muammar Ghaddafi Hanafiah et al., 2014).

Di peringkat negara, kehidupan yang aman dalam kalangan individu dan masyarakat umpama sebuah keluarga besar atau kelompok yang bersatu, dapat melepasi batasan hubungan darah kekeluargaan. Kepentingannya dapat diketahui umum kerana ia menyebabkan banyak tujuan manusia terlaksana sekaligus keperluan hidup manusia secara umum akan tercapai. Oleh itu, kesempurnaan suatu keperluan itu penting buat manusia, maka Allah S.W.T telah menentukan bahawa manusia perlu hidup saling membantu, menghormati, berkasih-sayang, memelihara persengketaan, mengekalkan perpaduan dan sebagainya (Muammar Ghaddafi Hanafiah et al., 2014). Bagi menunjukkan kefahaman ini 11 ayat pertama surah al-Mu'minin Allah telah berfirman:

*“Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); Dan*

*mereka yang menjaga kehormatannya, Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela: Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas; Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya; Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya; Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi, Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya”.*

(al-Mu'minun 23:1-11)

Manakala di peringkat masyarakat, budaya ziarah-menziarahi menyumbang banyak kebaikan terutamanya dalam mengeratkan hubungan dan mengukuhkan persaudaraan. Hakikatnya, masyarakat Islam lebih banyak menghindari diri daripada prinsip-prinsip baik yang telah digariskan oleh Islam dan mereka mengamalkan kehidupan tanpa berpandukan petunjuk atau menghimpunkan antara fikiran yang benar dengan fikiran yang sebaliknya dari segenap penjuru (Prof Dr. Ahmad Shalaby, 1976).

Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan hikmah dan *Maqasid Syariah* di sebalik pensyariaan ziarah dan adab-adabnya.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian adalah kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan sebagai kaedah yang dipilih untuk menghimpun segala data dan maklumat yang bersesuaian dan relevan berkenaan dengan amalan menziarahi yang sangat sinonim dengan budaya masyarakat umat Islam di Malaysia.

Kajian ini melibatkan penggunaan perkhidmatan perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi tujuan pengumpulan data. Pelaksanaan kaedah ini digunakan untuk mencapai objektif kajian. Data yang dimaksudkan ini dapat diperolehi daripada buku-buku ilmiah, artikel serta tesis dan dianalisis dalam sub-topik yang dibincangkan. Selain itu, rujukan lain juga diambil dari laman sesawang bagi mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan.

Kaedah analisis data digunakan dalam meneliti maklumat-maklumat yang diperoleh dan menjelaskan kandungan yang dikaji bagi menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan sebagaimana tajuk kajian iaitu Ziarah-Menziarahi: Adab Dan *Maqasidnya* Menurut Islam.

### **3. SOROTAN LITERATUR**

Nuruddin Al-Khadimi, (2014) membincangkan dalam buku karangannya Ilmu *Maqasid Syariah* berkenaan hikmah disebalik pensyariatan sesuatu hukum dan mengetahui tujuan sebenar pensyariatan dalam pelaksanaan ibadah kepada Allah S.W.T. Kajian ini hanya memfokuskan kebaikan dan kemudahan rentetan daripada *Maqasid Syariah* yang disebutkan dan tidak menyatakan secara khusus perbincangan bab menziarahi dan adabnya dalam kaedah *Maqasid*.

Kajian Amr Abdul Mun'im (2005) membicarakan mengenai Adab Ziarah Kubur Bagi Wanita. Pengkaji membahaskan mengenai hukum ziarah kubur bagi para wanita, larangan mengiringi jenazah bagi wanita dan menjelaskan adab-adab yang disyariatkan oleh para wanita ketika menziarahi kubur. Kajian ini hanya tertumpu kepada perbahasan masalah wanita menziarahi kubur dan adab-adabnya.

Seterusnya, kajian Syaikh Jamaluddin Al-Qasimi dalam buku Ihya 'Ulumuddin (2010) membahaskan adab-adab menghadiri jenazah merupakan tuntutan Islam ke atas seseorang individu muslim tetapi kajian hanya berkisar tentang adab-adab ketika menziarahi jenazah dan kubur dan tidak mengaitkan hikmah dengan adab-adab menziarahi secara umum.

### **4. ISU-ISU BERKAITAN ADAB ZIARAH DALAM ISLAM**

Menerusi kaedah kajian kepustakaan yang dilakukan, didapati terdapat banyak isu-isu berkaitan ziarah yang sering berlaku dalam masyarakat pada masa kini. Hal ini berlaku demikian kerana kebanyakan masyarakat tidak menjaga dan mengamalkan adab-adab ziarah yang telah disyariatkan dalam agama Islam sehingga berlaku peleraian ikatan dan perhubungan sesama masyarakat terutamanya dikalangan ahli keluarga, jiran dan sahabat handai. Sebagaimana yang kita tahu, setiap yang disyariatkan oleh Islam mestilah mempunyai hikmah dan *Maqasid Syariahnya* tersendiri.

Berdasarkan artikel yang ditemui, antara adab-adab ziarah dalam Islam ialah meminta izin sebelum berziarah. Orang yang ingin berkunjung ke rumah orang hendaklah meminta izin dan memberitahu terlebih dahulu kepada tuan rumah agar tuan rumah menerima tetamu dalam keadaan bersedia dan menyambut kehadiran dengan hati yang lapang. Apabila kita menerjah ke rumah orang, kita tidak tahu mungkin tuan rumah mempunyai rancangan tersendiri ataupun keadaan rumah dalam keadaan tidak terurus. Sebahagian masyarakat hari ini pula, suka menyebarkan perihal buruk tentang orang. Contohnya, "Rumah si *fulan* terlalu kotor". Perkara sebegini mungkin hanya maklumat biasa bagi mereka, namun ia adalah aib tuan rumah. Andai kata perkara ini sampai ke pengetahuan tuan rumah, ia boleh membuatkan sesebuah hubungan itu menjadi renggang.

Menurut laporan *Harian Metro* (2019), antara adab yang menjadi isu terbesar ketika kunjung-mengunjung adalah tidak menjaga tata tertib anak-anak dirumah tetamu. Ibu bapa hendaklah menerapkan dalam diri anak-anak mereka dengan adab-adab ziarah semenjak mereka kecil lagi. Hal ini bak peribahasa "Melentur buluh biarlah dari rebungnya". Apabila berkunjung ke rumah saudara-mara, jiran tetangga mahupun sahabat handai, ibu bapa hendaklah memerhati sikap anak-anak dan jangan biarkan mereka bermain seperti di rumah sendiri. Dalam meniti arus kemodenan ini, kebanyakan ibu bapa memandang remeh terhadap perlakuan anak sehingga ada yang menyebabkan barang tuan rumah rosak dengan alasan mereka masih lagi budak-budak. Alasan ini sangatlah tidak relevan. Ada juga ibu bapa yang tidak mahu bertanggungjawab. Perbuatan ini akan menyebabkan terlerainya sebuah perhubungan.

Selain itu, memilih waktu yang sesuai untuk berziarah juga merupakan antara adab-adab ziarah. Tetamu mestilah bijak memilih waktu yang sesuai untuk berkunjung ke rumah orang, elakkan bertandang ke rumah orang pada awal pagi, tengah hari mahupun waktu lewat malam. Hal ini kerana waktu tersebut adalah waktu untuk tuan rumah beristirahat. Kebanyakan masyarakat terutama saudara-mara suka berziarah pada waktu malam, mereka menganggap hubungan kekeluargaan yang erat mampu mengatasi adab-adab ziarah yang telah digariskan dalam Islam. Perkara sebegini juga boleh membawa kepada pergaduhan antara suami dan isteri. Contoh, adik-beradik si isteri datang ke rumah dan pulang lewat malam, si suami pasti akan berasa waktu rehat

dan tidur beliau terganggu menyebabkan si suami meluahkan rasa ketidakpuasan hati tersebut. Di samping itu, tetamu juga tidak digalakkan berziarah terlalu lama. Tuan rumah juga mempunyai aktiviti lain untuk dilakukan dan perlukan masa untuk diri sendiri dan keluarga.

Adab yang terakhir ialah memberi salam dan meminta izin sebelum masuk ke dalam rumah. Islam mengajar umatnya bahawa had untuk memberi salam kepada tuan rumah adalah sebanyak tiga kali. Jika tiada jawapan daripada tuan rumah, maka tetamu hendaklah beransur pulang. Di sebalik impak negatif, terdapat juga kesan yang positif. Apabila tetamu memberi salam, ia akan melahirkan rasa hormat terhadap tuan rumah dan perkara ini secara tidak langsung akan mengeratkan lagi hubungan sesama mereka.

## 5. PERBINCANGAN

Kebanyakan isu yang dibincangkan jelas menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat masa kini kurang mengamalkan adab ziarah yang dituntut dalam Islam. Adab tersebut semakin hilang ditelan zaman kerana munculnya adat dan budaya barat. Hakikatnya, terdapat hikmah dan *Maqasid Syariah* di sebalik pensyariaan ziarah dan adab-adabnya yang tidak diketahui masyarakat itu sendiri.

Ziarah merupakan sunnah yang amat digalakkan dalam syariat Islam. Ia mempunyai hukum dan adab tertentu yang disyariatkan demi memastikan ia berjalan secara efektif demi menjaga kemaslahatan masyarakat. Begitu juga dalam aspek adab-adabnya merupakan antara sunnah yang sangat dituntut oleh Nabi Muhammad S.A.W. Amalan ini bukan sahaja dapat menyuburkan ikatan kasih sayang dan mengeratkan lagi ukhuwah yang terjalin, malah akan mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T. Oleh itu, masyarakat hendaklah menjaga adab ketika berziarah kerana hal ini merupakan hikmah dan *Maqasid* utama dalam membentuk masyarakat yang berakhlak dan bertamadun.

Hikmah dan *Maqasid Syariah* kedua yang dapat dikenalpasti sekiranya adab ziarah mengikut garis panduan Islam ini diutamakan dalam masyarakat, ia mampu mengukuhkan hubungan silaturahim. Hal ini kerana setiap tuntutan Islam mempunyai

garis panduan tertentu supaya dapat dilaksanakan sebaiknya dan memenuhi kehendak ajaran agama yang sebenar. Bagi menunjukkan kefahaman ini dijelaskan melalui hadis:

إن الله يوصيكم بأمهاتكم، ثم يوصيكم بأبائكم، ثم بالأقرب فالأقرب


“Allah memerintahkan kamu kepada ibu kamu, dan kemudian mencadangkan kamu kepada bapa kamu, dan kemudian mencadangkan kamu kepada bapa kamu, dan kemudian kaum kerabat yang terdekat”  
(Sunan Ibnu Majah)

Seterusnya, hikmah yang diperolehi daripada isu-isu yang dibincangkan adalah mengelakkan peleraian perhubungan. Kenyataan ini jelas bahawa sesetengah anggota masyarakat kini bersifat individualistik, iaitu mengutamakan hal masing-masing tanpa memikirkan perasaan orang lain. Contohnya berkaitan isu tidak meminta izin sebelum berziarah sehingga membuka aib tuan rumah yang tidak bersedia menerima kunjungan kita. Hal ini akan menyebabkan sesuatu ikatan yang telah terbina itu terlerai. Justeru hikmah yang dapat dilihat apabila adab ziarah yang dituntut oleh Islam itu diamalkan, keamanan dan keharmonian dapat dikekalkan serta melahirkan masyarakat yang penyayang tanpa perbalahan.

Hikmah-hikmah ini mempunyai garis panduan syarak yang mesti dirujuk dan diikuti. Amalan ziarah menziarah atau kunjung-mengunjung memberi manfaat yang amat besar dan faedah yang amat berguna dalam konteks perpaduan ummah. Amalan ziarah juga membolehkan yang jauh menjadi dekat, yang renggang menjadi rapat, yang bersengketa menjadi damai, yang susah menjadi mudah dan sebagainya. Hal ini bertepatan dengan objektif utama pensyariatannya adalah untuk menjaga silaturahim sesama manusia di atas konsep “*hablun min al-nas*”.

Walaupun adab-adab ziarah ini bukanlah perkara yang diwajibkan, namun jika masyarakat mengaplikasikan adab-adab ziarah ini dalam kehidupan seharian, masyarakat akan dapat memahami hikmah dan *Maqasid Syariah* di sebalik pensyariatannya.

Rajah 1: Perkaitan Hikmah dan Maqasid Adab Ziarah menurut Islam



## 6. PENUTUP

Ringkasnya, adab Islam bersumberkan dengan apa yang telah disyariatkan Allah akan memperkukuhkan lagi keterikatan sesama manusia agar manusia sentiasa mengingati Allah dan membantu mereka melakukan tindakan yang betul dan terkawal.

Amalan menziarahi sememangnya mempunyai banyak kelebihan bagi umat Islam dalam membentuk kasih sayang sesama muslim. Namun, usaha membentuk amalan menziarahi mengikut lunas-lunas Islam perlu saling diperbaiki dan dipertingkatkan. Amalan menziarahi akan terus menyubur dalam masyarakat Islam sekiranya adab-adab ziarah dan maqasidnya turut diambil perhatian bersama.

Mereka yang mempunyai kesedaran keagamaan yang sebenarnya akan dengan sendirinya berusaha untuk memelihara adab-adab ziarah yang telah diperintahkan dan dikehendaki oleh ajaran Islam. Maka adalah menjadi kewajipan seorang Muslim itu memelihara adab-adab ziarah kerana ianya juga sebahagian daripada menyempurnakan hak kewajipan terhadap saudaranya. Usaha ini mampu menunjukkan adab-adab ziarah yang telah ditetapkan menepati konsep *Maqasid Syariah* jika ianya diamalkan. Di samping berusaha membentuk sebuah masyarakat yang harmoni bagi mendapat bahagia serta reda Allah S.W.T.



## RUJUKAN

### Buku

- Abdul Karim Ali, Mohd Nazri Chik, (2013), *Maqasid Syariah, Isu-Isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*, Selangor : Zafar Sdn. Bhd.
- Al-Albaafi Muhammad Namimuddin, (1998), *Kitab Adab Mufraad*, Riyadh : Maktabah Maaruf Linnisur Wattaui'.
- Al-Ghazali Muhammad, Ismail Mohd Hassan, (1998), *Akhlah Muslim*, Kuala Terengganu : Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali Muhammad, (1986), *Akhlah Seorang Muslim*, Jakarta : Wicaksana Semarang.
- Al-Kaysi Marwan Ibrahim, Hussin Salamon, Mohd. Nasir Ripin, (1997), *Adab Sopan dan Budi Pekerti dalam Islam*, Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Khadimi Nuruddin Mukhtar, (2006) *Ilmu Maqasid Syariah*, Riyadh : A'bekan.
- Al-Qasimi Syaikh Jamaluddin, (2010), *Ihya Ulumuddin Imam Al-Ghazali*, Jakarta : Darul Falah Bekasi.
- Amr Abdul Mun'im, (2005) *Adab Ziarah Kubur Bagi Wanita*, Indonesia : Muassasah Al-Qurtubah.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, (2008), *Apa itu Islam?*, Selangor : PTS Islamika, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- H. Aboebakar Atjeh, (1979), *Akhlah Dalam Islam*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Hanafiah, M. G., (2014), *Tafsir Maudhu'iy Masyarakat dan Pembangunan Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hashim, W., (2011), *Hubungan Etnik Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Mahadzirah Mohamad, Nor Azman Mat Ali, (2016), *Quality of Life Maqasid Shariah Approach*, Kuala Terengganu : Penerbit UniSZA.
- Muammar Ghaddafi Hanafiah etal, (2014), *Tafsir Maudhu'iy Masyarakat Dan Pembangunan Sosial*.
- Shalaby, P. D., (1982), *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*, Singapura: Pustaka Nasional.

### Jurnal

- Nisa, K (2017). Maqasid Al-Syar'iah Perspektif Nuruddin Al-Khamidi. 1-16  
[https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=https://dspace.uui.ac.id/bitstream/handle/123456789/4851/Ushul%2520Fiqh%25208.pdf%3Fsequence%3D1%26isAllowed%3Dy&ved=2ahUKEwi6gNvNkrHIAhUML48KHe\\_zA3gQFjABegQIBBAB&usq=AOvVaw0qngwE\\_qZl\\_YQZ-RldYit6t](https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=https://dspace.uui.ac.id/bitstream/handle/123456789/4851/Ushul%2520Fiqh%25208.pdf%3Fsequence%3D1%26isAllowed%3Dy&ved=2ahUKEwi6gNvNkrHIAhUML48KHe_zA3gQFjABegQIBBAB&usq=AOvVaw0qngwE_qZl_YQZ-RldYit6t)

### Laman Web

- Mufti of Federal Territory, 2019, Irsyad al-Fatwa Series 284, Guests Visiting at Night, retrieved at 17 October 2019 at <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/3026-irsyad-al-fatwa-series-284-guests-visiting-at-night>
- Al-Qur'an Online, 2019, Surah al-Hasyr Verse 18-24, retrieved at 22 October 2019 at <https://tafsirweb.com/37716-surat-al-hasyr-ayat-18-24.html>